

**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**  
**NOV 2022**  
**2 jam**

## **CADANGAN SKEMA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**

---

## BAHAGIAN A

## CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p>26 – 30</p> <p>(28 – 30)</p> <p>(26 – 27)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>Penggunaan ungkapan yang menarik yang <b>sesuai</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li><b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</b></p>
KEPUJIAN	<p>20 – 25</p> <p>(23 – 25)</p> <p>(20 – 22)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>Huraian <b>jelas</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p><b>15 – 19</b></p> <p>(17 – 19)</p> <p>(15 – 16)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas/terhad.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul>
KURANG MEMUASKAN	<p><b>10 – 14</b></p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 - 11)</p>	<p><b><u>Tema/Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>

		<p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul>
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	<b>1 – 9</b>  (6– 9)  (1- 5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis</li> <li>• <b>Idea tidak menepati</b> tema bahan rangsangan/tugas</li> <li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li> </ul>

**Bahagian B**  
**Cadangan Pemarkahan**

**Cara Pemeriksaan :**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
4. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

(       ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/       = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

//      = Kesalahan ejaan yang berulang

○       = Kesalahan tanda baca

## Bahagian B

**Karangan Respons Terbuka  
(70 markah)**

**CADANGAN KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>64 –70</b>  (68-70)  (64-67)	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa yang <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</b></p>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>55 - 63</b>  (59-63)  (55-58)	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul>

		<p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b></li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>BAIK</b></p>	<p style="text-align: center;">45-54 (50-54) (45-49)</p>	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>masih</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b></li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>masih</b> betul.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>

MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih/kurang</b> menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugasan.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat kurang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih/kurang</b> lengkap.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugasan.</li> </ul>
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	<p><b><u>Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugasan/<b>bercampur aduk</b>.</li> <li>• Huraian <b>tidak</b> jelas/ <b>tidak</b> berkembang.</li> <li>• Contoh yang <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat yang <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>• Penggunaan kata <b>kurang</b> tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>tidak</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>lemah</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>tidak</b> sesuai/ <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>
<p><b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</b></p>	<p><b>1-20 (11-20) (1-10)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keseluruhannya</b> karangan <b>sukar/tidak</b> difahami.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> relevan/ <b>bercampur aduk</b> dan huraian <b>tidak</b> jelas/ <b>tidak</b> berkembang serta contoh <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul>

PEMARKAHAN TAMAT

**BAHAGIAN A**

[ 30 Markah ]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan dengan **Karnival Kokurikulum** yang dianjurkan pihak sekolah. Sebagai setiausaha sidang redaksi majalah sekolah, anda ditugaskan ,menyediakan satu **laporan** tentang Karnival Kokurikulum yang diadakan di sekolah anda. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**HARI TERBUKA & KARNIVAL KOKURIKULUM SMK SIMPANGAN 2018**

TARIKH : 26 JULAI 2018  
HARI : KHAMIS  
MASA : 8:00 PAGI

SEWA TAPAK  
JUALAN GERAI RM10/TAPAK TERHAD 10 TAPAK

NO.PERHUBUNGAN  
- Fazrul : 01116650240  
- Fazley : 01119064445

Semua dijemput datang jom datang beramai-ramai  
"MEMARTABATKAN SUKAN RAKYAT"

- Aktiviti Sukaneka (Permainan Tradisional)
- Pertandingan Kawad kaki
- Pameran Kelab dan Persatuan
- Jualan Makanan dan Minuman
- Penyampaian Hadiah



Cadangan Jawapan Bahagian A  
KARANGAN BERFORMAT : LAPORAN  
IDEA PENDAHULUAN :

- **TAJUK LAPORAN**
- **MASA**
- **TARIKH**
- **TEMPAT**
- **SASARAN**
- **OBJEKTIF**

**IDEA :**

- **UCAPAN ALU-ALUAN DARIPADA PERASMI**
- **AKTIVITI SUKANeka**
- **PERTANDINGAN KAWAD KAKI**
- **PAMERAN**
- **JUALAN MAKANAN DAN MINUMAN**
- **PENYAMPAIAN HADIAH**

**IDEA PENUTUP :**

- **SECARA KESELURUHAN, ACARA YANG DIJALANKAN MENDAPAT SAMBUTAN DAN MENCAPAI OBJEKTIF**
- **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG TERLIBAT**

**PERIBAHASA : 1. DI MANA ADA KEMAHUAN, DI SITU ADA JALAN  
2. HENDAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH**

**BAHAGIAN B  
( 70 MARKAH)**

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan*

1.

KUALA LUMPUR: Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan kehidupan guru dan murid semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) dilaksanakan secara dalam talian. Dalam alaf baharu yang mengutamakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, guru dan murid tiada pilihan selain memanfaatkan teknologi dan aplikasi pendidikan dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020>

Petikan di atas jelas menunjukkan kepentingan penggunaan teknologi dan aplikasi pendidikan khusus untuk pembelajaran dalam talian.

Huraikan manfaat-manfaat pendidikan maya dan pembelajaran dalam talian.

**CADANGAN JAWAPAN**

1. Meningkatkan kemahiran teknologi
2. Penyampaian ilmu yang interaktif dan mudah
3. Membuka peluang pendidikan jarak jauh tanpa batasan
4. Mengurangkan kos perbelanjaan
5. Waktu pembelajaran yang fleksibel
6. Suasana pembelajaran yang kondusif

**Peribahasa**

1. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
2. Usaha tangga kejayaan

2.

Global Wellness Institute mendefinisikan pelancongan kesejahteraan sebagai perjalanan yang berkaitan dengan usaha untuk mensejahterakan diri. Sambil kita menikmati keindahan tempat orang, kita dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan fizikal seperti melakukan sukan untuk kecergasan tubuh badan. Terdapat juga pelancong yang melancong untuk mencari perkhidmatan bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi seperti yoga, meditasi, dan urutan. Kadangkala, ada juga pelancong yang suka akan persekitaran semula jadi dikelilingi kehidupan flora dan fauna seperti Taman Negara Kinabalu, Sabah. Selain itu, pelancongan arkeologi di Lenggong, Perak turut menjadi antara destinasi pilihan pelancong.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada:  
Buku Teks KSSM Tingkatan 5

Petikan di atas menyatakan beberapa faktor pelancong memilih sesuatu destinasi sebagai destinasi pelancongan.

Bincangkan.

#### CADANGAN JAWAPAN

1. Mengurangkan tekanan yang dihadapi
2. Menikmati keindahan flora dan fauna
3. Meneroka dan memperingati sejarah silam
4. Menikmati keunikan dan keenakan makanan di sesuatu tempat
5. Memahami budaya dan cara hidup masyarakat lain

#### Cadangan Peribahasa

1. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik lagi di negeri sendiri
2. Jauh perjalanan, luas pemandangan
3. Badan sihat otak cerdas
4. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
5. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

3.

Terdapat rungutan bahawa segelintir generasi muda kurang memiliki perwatakan nasional yang dapat mempamerkan keperibadian mereka sebagai warganegara Malaysia, ketika berada di dalam mahupun di luar negara. Perkara ini jelas menunjukkan remaja hari ini kurang menghayati prinsip Rukun Negara yang mula diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sebagai garis panduan ke arah kerharmonian dan perpaduan kaum demi kesejahteraan dan kestabilan negara Malaysia.

*Dipetik dan diubah suai daripada,  
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/02/123202>*

Sebagai respons terhadap petikan berita di atas, jelaskan ciri-ciri warganegara yang baik demi kesejahteraan dan keharmonian negara.

#### CADANGAN JAWAPAN

1. Mendukung prinsip Rukun Negara (Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan.
2. Warganegara yang dapat memberi sumbangan kepada negara
3. Warganegara yang berilmu pengetahuan
4. Warganegara yang menghayati keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Mana-mana isi yang sesuai boleh diterima)

Peribahasa yang sesuai

1. Seikat bagai sirih, serumpun bagai serai
2. Dimana bumi dipijak di situ langit dijunjung
3. Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit

4.

Amalan menabung merupakan amalan yang mulia dan perlu diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Hasil tabungan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan ibu bapa kerana wang tersebut akan digunakan bagi keperluan pendidikan seperti membayar yuran sekolah, membeli buku teks, dan membeli peralatan sukan. Menabung kini boleh dilakukan secara fizikal atau melalui perbankan Internet bergantung kepada kemudahan dan kesesuaian individu.

Sumber: <https://www.mywilayah.com/2020/11>

Petikan di atas menyatakan bahawa amalan menabung merupakan amalan yang mulia dan perlu diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak.

#### CADANGAN JAWAPAN

1. Ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak menabung sejak dari kecil
2. Ibu bapa haruslah membuka akaun simpanan kepada anak-anak
3. Ibu bapa perlu memaparkan kepada anak-anak jumlah simpanan yang telah dimasukkan ke dalam akaun bank
4. Ibu bapa perlu menghadihkan tabung yang cantik kepada anak-anak
5. Pihak kerajaan perlulah mengadakan kempen kesedaran menabung yang efektif
6. Pihak perbankan boleh mewujudkan pelbagai pakej simpanan yang menarik dan memberikan pulangan pelaburan jangka panjang yang banyak
7. Pihak sekolah boleh menghulurkan bantuan dengan mewujudkan Kelab Menabung di sekolah.

#### PERIBAHASA :

1. Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
2. Ayah borek anak rintik
3. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
4. Sediakan payung sebelum hujan

5. Ikut hati mati ikut rasa binasa
6. Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak